

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)

Tarikh : 4 Julai 2021
Masa : 10 pagi
Platform : TEAMS
Tajuk Kertas : Pelantikan Pembekal Secara Rundingan Terus Kepada The IBR Asia Group Sdn Bhd Bagi Pembangunan Kandungan Kreatif Behavioural Insights Melalui Platform Digital

KEHADIRAN

1. Pengerusi JPH : Encik Mohammad Khairul Hakim Zainoor
2. Ahli JPH 1 : Puan Nik Nazarina Nek Mohamed
3. Ahli JPH 2: Encik Izzul Ikhwan Ishak
4. Penyedia Laporan JPH : Cik Huda Atiqah Samsir

AGENDA

1. Ucapan pengerusi
 - Pengerusi telah mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli JPH yang telah menghadiri ke mesyuarat.
2. Latar belakang projek
 - Selari dengan mandat dalam mengguna pendekatan Behavioural Insights (BI) dalam penggubalan polisi awam di negara maju sejak 2010, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Korporat (CPD) telah membuat perancangan untuk menyebarkan inisiatif memodenkan peraturan melalui pendekatan Behavioural Insights bagi peningkatan produktiviti melalui media elektronik.
3. Perbincangan
 - Platform yang disediakan oleh The IBR Asia Group mensasarkan lebih 250,000 golongan berkepentingan dalam kerajaan dengan menyediakan program berkualiti kepada golongan professional, selain ia turut diedar kepada negara luar.
 - Oleh yang demikian Unit Media telah mencadangkan untuk menggunakan platform pengiklanan elektronik dan digital dalam berkongsi maklumat mengenai program dan inisiatif peningkatan produktiviti yang mensasarkan golongan professional dengan kandungan bersesuaian mengenai Behavioural Insights (BI).
 - Jumlah kos sebenar bagi aktiviti promosi ini adalah berjumlah **RM 47,700** termasuk SST. (Rujuk kepada Sebutharga)


4. Maklumbalas

- Pengerusi mengemukakan maklum balas berkenaan kertas cadangan BOM yang telah diluluskan (PEMBANGUNAN KANDUNGAN KREATIF BEHAVIOURAL INSIGHTS MELALUI PLATFORM DIGITAL) adalah tidak sama dengan cadangan permohonan. BOM asal hanya menyatakan pembangunan kandungan dan tidak menyatakan secara terperinci berkenaan penggunaan platform pengiklanan yang membolehkan lantikan diadakan secara rundingan terus.
- Oleh yang demikian, Pengerusi dan ahli JPH mencadangkan untuk menyediakan BOM Makluman berdasarkan Kertas Cadangan BOM asal yang telah diluluskan bagi memaklumkan semula kepada BOM MPC berkenaan penggunaan platform pengiklanan yang disediakan oleh pembekal bagi membolehkan tatacara perolehan mengikut Pekeliling 7.14 secara rundingan terus bagi perolehan perkhidmatan penyiaran pengiklanan melalui media mengikut had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus.
- Pengerusi turut mencadangkan Sebut Harga asal yang disediakan oleh pihak pembekal dikemaskini dan menyatakan harga sebenar perkhidmatan platform pengiklanan / advertorial space yang ditawarkan bagi mengelakkan kekeliruan dengan PR value yang dinyatakan di dalam sebutharga.

5. Pengesyoran

- Pengerusi dan Ahli JPH 1 & 2 menyokong Pelantikan Pembekal Secara Rundingan Terus Kepada The IBR Asia Group Sdn Bhd Bagi Pembangunan Kandungan Kreatif Behavioural Insights Melalui Platform Digital.

Disediakan oleh :


.....
(HUDA ATIQAHSAMSIR)

Penyedia Laporan
Bahagian CPD
Tarikh : 4 Julai 2021

Disahkan oleh :


.....

(MOHAMMAD KHAIRUL HAKIMIN ZAINOOR)
Pengerusi
Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH)
Tarikh : 4 Julai 2021